



18 Mac 2022  
18 March 2022  
P.U. (A) 68

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PINDAAN) 2022

*PATENTS (AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 87 Akta Paten 1983 [*Akta 291*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Paten 1986 [*P. U. (A) 327/1986*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “*Warta*” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jurnal Rasmi”;

(b) dengan menggantikan perkataan “menghantar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “mengeluarkan”;

(c) dengan menggantikan perkataan “diposkan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “dikeluarkan”;

(d) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Board of Examiners” dan “board of Examiners” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Board of Examinations”;

(e) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Lembaga Pemeriksa” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga Peperiksaan”; dan

- (f) dengan menggantikan perkataan “Ketua Setiausaha” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Perbadanan”.

**Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, apa-apa permintaan bagi pemulangan fee yang dibayar kepada Pejabat Pendaftaran Paten hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada Pendaftar;
- (b) dibuat dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan
- (c) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.”.

**Pindaan peraturan 3**

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “yang disebut dalam” dengan perkataan “Akta dan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Jadual II” dengan perkataan “arahan”.

#### **Pindaan peraturan 4**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 4 dengan peraturan yang berikut:

“Tafsiran. 4. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“permohonan” ertinya sesuatu permohonan bagi pemberian paten dan “pemohon” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“tuntutan” ertinya suatu tuntutan bebas atau suatu tuntutan bersandar.”.

#### **Pindaan peraturan 5**

6. Perenggan 5(1)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “perihalannya” perkataan “termasuk suatu senarai jujukan, jika ada”.

#### **Pindaan peraturan 5A**

7. Peraturan 5A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “tiga salinan” dengan perkataan “satu salinan, tetapi Pendaftar boleh menghendaki supaya permohonan antarabangsa difailkan lebih daripada satu salinan”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (2).

#### **Pindaan peraturan 7**

8. Subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 1” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Peraturan baharu 7A**

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 7 peraturan yang berikut:

“Permohonan bagi pemberian kebenaran bertulis.  
7A. (1) Sesuatu permohonan bagi pemberian kebenaran bertulis di bawah subseksyen 23A(2) Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan disertakan dengan—

(a) suatu pembayaran fee yang ditetapkan;  
dan

(b) suatu perihalan reka cipta untuk difailkan di luar Malaysia.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), perihalan itu hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.”.

**Pindaan peraturan 10**

10. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “permintaan” perkataan “bagi pemberian paten di bawah subperaturan 7(1)”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “permintaan” perkataan “bagi pemberian paten di bawah subperaturan 7(1)”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “atas paten” perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.”; dan
- (c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud subperaturan (1) dan (2), jika ejen paten dilantik, permintaan bagi pemberian suatu paten hendaklah disertakan dengan suatu permintaan bagi pelantikan ejen paten dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.”.

#### **Peraturan baharu 12A**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 12 peraturan yang berikut:

“Senarai jujukan. 12A. (1) Jika sesuatu perihalan menzahirkan suatu jujukan, permohonan hendaklah mengandungi suatu senarai jujukan.

(2) Suatu senarai jujukan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar—

(a) sebagai suatu bahagian yang berasingan dari perihalan; dan

(b) dalam piawai—

(i) sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan

(ii) sebagaimana yang diterima pakai di bawah Triti Kerjasama Paten.”.

**Pindaan peraturan 18**

12. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dua salinan” dengan perkataan “satu salinan”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Permohonan dan apa-apa pernyataan atau dokumen yang disertakan bersamanya hendaklah difailkan mengikut susunan yang berikut:

- (a) suatu permintaan bagi pemberian suatu paten;
- (b) suatu perihalan;
- (c) suatu tuntutan atau tuntutan-tuntutan;
- (d) suatu abstrak;
- (e) suatu lukisan atau lukisan-lukisan, jika diperlukan; dan
- (f) suatu senarai jujukan, jika ada.

(1B) Setiap permohonan dan apa-apa pernyataan atau dokumen yang disertakan bersamanya disebut dalam subperaturan (1A) hendaklah bermula pada suatu halaman kertas yang baharu.”;

- (c) dalam subperaturan (7), dengan menggantikan perkataan “Semua lembaran” dengan perkataan “Muka surat perihalan, tuntutan atau tuntutan-tuntutan dan abstrak”;

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (7) subperaturan yang berikut:

“(7A) Sebagai tambahan kepada kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan (7), jika sesuatu permohonan mengandungi lukisan atau lukisan-lukisan dan senarai jujukan, lukisan atau lukisan-lukisan dan senarai jujukan itu hendaklah dinomborkan pada bahagian atas suatu halaman dan di tengah secara berturutan tetapi sebagai suatu siri berasingan daripada satu sama lain dan dari perihalan, tuntutan atau tuntutan-tuntutan dan abstrak itu sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (7).”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subperaturan (11) subperaturan yang berikut:

“(12) Suatu senarai jujukan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Paten dalam suatu alat penyimpanan komputer fizikal yang mengandungi suatu salinan senarai jujukan mengikut piawai sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan piawai yang diterima pakai di bawah Tritis Kerjasama Paten.

(13) Alat penyimpanan komputer fizikal yang dikemukakan kepada Pendaftar di bawah subperaturan (12) hendaklah mematuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.”.

### **Pindaan peraturan 19A**

13. Peraturan 19A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:



“(2) Walau apa pun perenggan (1)(b), pemohon boleh memberitahu Pendaftar secara bertulis jika dia berhasrat untuk tidak membuat suatu permintaan bagi pembahagian permohonan semasa tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).”.

### **Pindaan peraturan 21**

14. Perenggan 21(1)(d) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Negara” dan “Negara atau Negara-Negara” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “negara”.

### **Peraturan baharu 23A**

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 23 peraturan yang berikut:

“Permintaan bagi pemulihan hak prioriti.

23A. (1) Bagi maksud suatu permohonan paten yang difailkan di Pejabat Pendaftaran Paten kecuali bagi permohonan antarabangsa yang difailkan di Pejabat Pendaftaran Paten di bawah seksyen 78G Akta, jika suatu permohonan menuntut hak prioriti mempunyai tarikh pemfailan lewat dari tarikh tempoh hak prioriti di bawah subseksyen 27(1) Akta habis tetapi dalam masa dua bulan dari tarikh habis tempoh itu, pemohon boleh memfailkan suatu permintaan bagi pemulihan hak prioriti dengan alasan bahawa kegagalan untuk memfailkan permohonan dalam tempoh hak prioriti adalah tidak disengajakan dan permintaan itu hendaklah dibuat kepada Pendaftar tidak lewat daripada masa dua bulan dari tarikh tempoh hak prioriti itu habis.

(2) Bagi maksud suatu permohonan antarabangsa yang memasuki fasa nasional di bawah seksyen 780 atau 780A Akta, jika suatu permohonan antarabangsa yang menuntut hak prioriti mempunyai tarikh

pemfailan antarabangsa lewat dari tarikh tempoh prioriti habis tetapi dalam masa dua bulan dari tarikh habis itu, pemohon boleh memfailkan suatu permintaan bagi pemulihan hak prioriti dengan alasan bahawa kegagalan untuk memfailkan permohonan antarabangsa seterusnya dalam tempoh hak prioriti adalah tidak disengajakan dan permintaan itu hendaklah dibuat kepada Pendaftar tidak lewat daripada—

- (a) masa satu bulan dari habisnya tiga puluh bulan dari tarikh prioriti permohonan antarabangsa itu; atau
- (b) satu bulan dari permintaan dibuat oleh pemohon bagi pemeriksaan suatu permohonan antarabangsa di bawah subseksyen 780(3) Akta.

(3) Jika suatu permohonan antarabangsa yang memasuki fasa nasional di bawah seksyen 780 atau 780A Akta dengan pemulihan hak prioriti diberikan oleh pejabat penerima dan Pendaftar mempunyai keraguan bahawa kehendak-kehendak bagi pemberian pemulihan telah dipenuhi oleh pemohon, Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon akan keraguan itu dan memberi peluang kepada pemohon untuk membuat pemerhatian dalam masa satu bulan dari tarikh pengeluaran pemberitahuan itu.

(4) Suatu permintaan di bawah subperaturan (1) dan (2) hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan alasan-alasan bagi

pemulihan hak prioriti dan keterangan yang menyokong dengan cara suatu akuan bersumpah.

(5) Kecuali bagi subperaturan (2), jika suatu permintaan bagi penyiaran awal telah dibuat di bawah perenggan 33D(1)(b) Akta, suatu permintaan bagi pemulihan hak prioriti tidak boleh dipertimbangkan oleh Pendaftar, melainkan jika permintaan bagi penyiaran awal itu ditarik balik oleh pemohon.

(6) Jika Pendaftar menentukan bahawa syarat-syarat yang disebut dalam subseksyen 27(1B) Akta dan peraturan ini telah dipenuhi, Pendaftar hendaklah memberikan pemulihan hak prioriti dan memberitahu kepada pemohon dengan sewajarnya.

(7) Jika syarat-syarat yang disebut dalam subseksyen 27(1B) Akta dan peraturan ini tidak dipenuhi, Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon bahawa Pendaftar berhasrat untuk menolak permintaan itu dan memberi peluang kepada pemohon untuk membuat pemerhatian dalam masa satu bulan dari tarikh pemberitahuan itu.

(8) Jika pemohon gagal untuk memuaskan hati Pendaftar bahawa syarat-syarat itu telah dipenuhi selepas peluang untuk membuat pemerhatian di bawah subperaturan (7) diberikan, Pendaftar hendaklah menolak permintaan itu dan akuan yang menuntut prioriti di bawah subseksyen 27(1) Akta hendaklah disifatkan tidak sah di bawah subseksyen 27(4) Akta.

(9) Jika permohonan di bawah peraturan ini ditolak oleh Pendaftar di bawah subperaturan (8), Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon mengenai penolakan itu dan hendaklah menyatakan sebab baginya.”.

#### **Pindaan peraturan 24**

16. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “atas Borang 2” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “yang diberikuasa khusus bagi maksud itu”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “yang diberikuasa khusus bagi maksud itu”.

#### **Pindaan peraturan 25**

17. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “dalam bentuk suatu salinan permintaan”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Akta” perkataan “atau pembayaran fee yang telah ditetapkan yang dikehendaki bagi setiap tuntutan yang berikutnya di bawah subseksyen 28(2A) Akta”; dan

- (c) dalam subperaturan (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “taksah” dengan perkataan “ditinggalkan”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “seksyen 28(3)” dengan perkataan “perenggan 28(3)(b)”.

#### **Pindaan peraturan 25A**

18. Subperaturan 25A(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang Paten No. 2A” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

#### **Pindaan peraturan 26**

19. Subperaturan 26(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan “peraturan 5, 6, 7(1), 8, 9, 10, 11, 18 dan 51” dengan perkataan “peraturan 5 dan 6, subperaturan 7(1) dan peraturan 8, 9, 10, 11, 12A, 18 dan 51”.

#### **Pindaan peraturan 27**

20. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 5” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;
- (b) dalam subperaturan (1A), dengan menggantikan perkataan “Borang Paten No. 5” dengan perkataan “bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:
 

“(2A) Jika tiada permintaan bagi pemeriksaan substantif dibuat bagi pembahagian permohonan di bawah subperaturan (2), pembahagian permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.”;

- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “hendaklah, jika sesuai” dengan perkataan “boleh”; dan
- (e) dengan memotong subperaturan (4).

**Pindaan peraturan 27A**

21. Peraturan 27A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 5A” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;
- (b) dalam subperaturan (1A), dengan menggantikan perkataan “Borang Paten No. 5A” dengan perkataan “bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;  
dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika tiada permintaan bagi pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan dibuat bagi pembahagian permohonan di bawah subperaturan (2), pembahagian permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.”.

**Pindaan peraturan 27B**

22. Peraturan 27B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “pemeriksaan substantif dan”;
- (b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Suatu permintaan bagi penangguhan pemfailan suatu permintaan bagi suatu pemeriksaan substantif yang diubahsuaikan

di bawah peraturan 27A hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.”;

(c) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Bagi maksud subseksyen 29A(7) Akta dan tertakluk kepada subperaturan 27B(3), tempoh maksimum penangguhan yang dibenarkan bagi pemfailan suatu permintaan bagi pemeriksaan yang diubahsuaikan hendaklah lima tahun dari tarikh pemfailan permohonan.”; dan

(d) dalam subperaturan (3) dengan memotong perkataan “perenggan (a)”.

#### **Pindaan peraturan 27C**

23. Subperaturan 27C(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua bulan” dengan perkataan “tiga bulan”.

#### **Pindaan peraturan 27D**

24. Subperaturan 27D(5) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua bulan” dengan perkataan “tiga bulan”.

#### **Peraturan baharu 27F**

25. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 27E peraturan yang berikut:

“Penyiaran  
permohonan  
paten.                      27F. Bagi maksud subseksyen 33D(1) Akta, maklumat yang berikut yang berhubungan dengan suatu permohonan hendaklah disiarkan oleh Pendaftar dalam Jurnal Rasmi:

(a) nombor permohonan;

- (b)* tarikh pemfailan permohonan;
- (c)* nama pemohon;
- (d)* nama pereka cipta; jika ada;
- (e)* nama ejen paten, jika ada;
- (f)* tajuk reka cipta;
- (g)* tarikh prioriti permohonan dan nama negara di mana atau yang baginya permohonan yang terdahulu telah difailkan, jika ada; dan
- (h)* abstrak.”.

### **Peraturan baharu 28A**

26. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 28 peraturan yang berikut:

- “Pemerhatian pihak ketiga.
- 28A. (1) Mana-mana orang boleh membuat pemerhatian ke atas suatu permohonan dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan dalam masa—
- (a)* tiga bulan dari tarikh penyiaran suatu permohonan di bawah seksyen 33D Akta; atau
  - (b)* tiga bulan dari tarikh permohonan antarabangsa memasuki fasa nasional di bawah seksyen 780 atau 780A Akta.



(2) Pemerhatian pihak ketiga yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) bagi maksud suatu permohonan, terhadap kepada alasan kebaharuan yang dinyatakan di bawah seksyen 14 Akta atau langkah mereka cipta yang dinyatakan di bawah seksyen 15 Akta; atau

(b) bagi maksud permohonan bagi pemberian perakuan perbaharuan utiliti, terhadap kepada alasan kebaharuan yang dinyatakan di bawah seksyen 14 Akta; dan

(c) disertakan dengan—

(i) suatu penjelasan ke atas alasan pemerhatian itu; dan

(ii) suatu keterangan dokumentari dengan cara akuan bersumpah untuk menyokong penjelasan ke atas alasan pemerhatian itu.”.

### **Pindaan peraturan 29**

27. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) yang dipotong subperaturan yang berikut:

“(3) Selepas perakuan pemberian paten dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah perenggan 31(2)(a) Akta, apabila suatu permintaan dibuat oleh pemunya paten secara bertulis bersama dengan pembayaran fee yang

ditetapkan, Pendaftar boleh menerbitkan semula suatu perakuan mengenai pemberian paten kepada pemunya paten.”.

### **Penggantian peraturan 31A**

28. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 31A dengan peraturan yang berikut:

<p>“Permintaan bagi salinan atau cabutan yang diperakui atau tidak diperakui, dsb.</p>	<p>31A. Suatu permintaan bagi maksud seksyen 10, perenggan 31(3)(b), seksyen 31A, subseksyen 33(1), 33A(2) dan 34(4), dan seksyen 83A dan 86A Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.”.</p>
----------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

### **Pindaan peraturan 31B**

29. Peraturan 31B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas borang 5D” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud perenggan 33B(2)(a) Akta, pengeluaran suatu perakuan baharu mengenai pemberian paten hendaklah tertakluk kepada pembayaran fee yang ditetapkan oleh pemunya suatu paten.”.

**Pindaan peraturan 33**

30. Peraturan 33 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Tertakluk kepada jangka masa suatu paten di bawah subseksyen 35(1) Akta, seorang pemunya paten boleh membuat pembayaran fee tahunan secara sekali gus bagi dua tahun atau lebih tetapi tidak melebihi lima tahun.”.

**Pindaan peraturan 33A**

31. Subperaturan 33A(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 5E” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan peraturan 33B**

32. Subperaturan 33B(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 5F” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan”.

**Pindaan peraturan 33C**

33. Peraturan 33C Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 5G” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh Pendaftar mengeluarkan kepada pemohon laporan yang dibuat oleh Pemeriksa mengikut subseksyen 30(1) atau (2) Akta kepada pemohon.”.

**Pindaan peraturan 34**

34. Peraturan 34 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “atau pemindahan” dengan perkataan “, perpindahan dan transaksi kepentingan bercagar”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 6” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 39(2A) Akta untuk merekodkan dalam Daftar transaksi kepentingan bercagar suatu paten hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.”;

- (d) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) dan (1A) hendaklah ditandatangani dalam hal mengenai—

- (a) suatu penyerahhakan, oleh atau bagi pihak-pihak kepada penyerahhakan;
- (b) suatu perpindahan, oleh atau bagi orang yang berhak kepada permohonan atau paten; atau
- (c) suatu transaksi kepentingan bercagar, oleh atau bagi pihak-pihak kepada transaksi kepentingan bercagar.”;

- (e) dalam subperaturan (3)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Permohonan” perkataan “di bawah subperaturan (1) atau (1A)”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “perubahan kepunyaan” dengan perkataan “penyerahhakan, perpindahan atau transaksi kepentingan bercagar”;
- (f) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “atau pemindahan” dengan perkataan “, perpindahan atau transaksi kepentingan bercagar”; dan
- (g) dengan menggantikan subperaturan (5) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Penyerahhakan, perpindahan atau transaksi kepentingan bercagar yang direkodkan dalam Daftar hendaklah disiarkan dalam Jurnal Rasmi.”.

### Peraturan baharu 34A

35. Peraturan-peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 34 peraturan yang berikut:

- |                                                                                                   |                                                                                                                                                                    |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>“Permohonan untuk meminda dan mengeluarkan transaksi kepentingan bercagar yang direkodkan.</p> | <p>34A. (1) Suatu permohonan untuk meminda apa-apa butir-butir yang berhubungan dengan transaksi kepentingan bercagar yang direkodkan dalam Daftar hendaklah —</p> |
|                                                                                                   | <p>(a) dibuat dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak</p>                                            |

kepada transaksi kepentingan bercagar;

(b) dibuat bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan; dan

(c) disertakan dengan dokumen yang membuktikan sehingga Pendaftar berpuas hati dengan pindaan kepada butir-butir transaksi itu.

(2) Suatu permohonan untuk mengeluarkan transaksi kepentingan bercagar yang direkodkan daripada Daftar hendaklah—

(a) dibuat dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar dan ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak kepada transaksi kepentingan bercagar; dan

(b) disertakan dengan dokumen yang membuktikan sehingga Pendaftar berpuas hati dengan pembatalan transaksi itu.”.

### **Pindaan peraturan 35**

36. Peraturan 35 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 7” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan

- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 8” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan peraturan 36**

37. Peraturan 36 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 9” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan peraturan 37**

38. Peraturan 37 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 10” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan peraturan 38**

39. Peraturan 38 Peraturan-Peraturan ibu dipinda —

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 11” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Sebagai tambahan kepada subseksyen 50(1) Akta dan subperaturan (1), suatu permohonan yang dibuat di bawah perenggan 49(1A)(b) Akta hendaklah mengandungi—

- (a) nama dan kuantiti keluaran farmaseutikal yang pemohon berhasrat untuk mengeluarkan dan mengeksport;

- (b) suatu perakuan bahawa permohonan itu dibuat oleh atau bagi pihak negara pengimport yang layak di bawah seksyen 48 Akta;
- (c) suatu salinan permintaan dari negara pengimport yang layak atau wakil yang diberikan kuasa oleh negara pengimport yang layak yang mengandungi—

  - (i) maklumat bahawa keluaran farmaseutikal yang akan diimport adalah bagi pihak dan dengan kebenaran negara pengimport yang layak itu; dan
  - (ii) nama dan kuantiti keluaran farmaseutikal yang dikehendaki;
- (d) suatu salinan pemberitahuan yang dibuat oleh negara pengimport yang layak kepada Majlis TRIPS; dan
- (e) suatu perakuan dari negara pengimport yang layak atau wakil yang diberikan kuasa oleh negara pengimport yang layak itu jika keluaran farmaseutikal diimport bagi pihak dan dengan kebenaran negara pengimport yang layak—

  - (i) bahawa ia akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk mencegah pengeksporan semula dari



wilayahnya keluaran farmaseutikal yang diimport ke wilayahnya itu;

- (ii) bahawa ia akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk menghalang keluaran farmaseutikal itu daripada digunakan selain untuk menangani masalah kesihatan awam dalam wilayahnya; dan
- (iii) jika suatu keluaran farmaseutikal yang dipatenkan di negara pengimport yang layak, ia telah memberikan atau berhasrat memberikan lesen wajib bagi pengimportan keluaran farmaseutikal yang berkenaan.”.

### **Penggantian peraturan 39**

40. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Peraturan 39 dengan peraturan yang berikut:

- “Prosedur bagi pemberian lesen wajib.
39. (1) Pemohon bagi lesen wajib di bawah seksyen 49 atau 49A Akta hendaklah mematuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 50 Akta dan peraturan 38.
- (2) Jika pemohon—
- (a) gagal mematuhi subperaturan (1), Pendaftar hendaklah menolak permohonan itu; atau

(b) mematuhi subperaturan (1)—

- (i) Pendaftar hendaklah memberikan sesalinan permohonan kepada pemberi lesen dan pemegang lesen; dan
- (ii) pemberi lesen dan pemegang lesen boleh membuat pemerhatian ke atas permohonan itu dalam masa dua bulan dari tarikh salinan permohonan itu diberikan.

(3) Bagi maksud kehendak di bawah subseksyen 51(1) Akta, Pendaftar boleh memberitahu pemohon, pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, secara bertulis.

(4) Pemohon, pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah hadir di hadapan Pendaftar pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang disebut dalam subperaturan (3).

(5) Pemohon, pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberi pernyataan atau menyerahkan kepada Pendaftar apa-apa dokumen atau apa-apa butiran lain sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang disebut dalam subperaturan (3).

(6) Jika pemohon itu gagal mematuhi kehendak di bawah subperaturan (4) atau (5), permohonannya hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

(7) Jika pemberi lesen atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, gagal untuk mematuhi kehendak di bawah subperaturan (4) atau (5), permohonan itu hendaklah dipertimbangkan oleh Pendaftar dan keputusan itu hendaklah dibuat berdasarkan maklumat, dokumen atau apa-apa butiran lain yang telah dikemukakan kepada Pendaftar.”.

#### **Pindaan peraturan 40**

41. Peraturan 40 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Keputusan Pendaftar.”;

(b) dengan memotong subperaturan (1);

(c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Dalam masa satu bulan dari tarikh Lembaga membuat keputusannya, Pendaftar” dengan perkataan “Pendaftar”; dan

(d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “keputusan Lembaga di bawah seksyen 51(1) Akta” dengan perkataan “keputusannya di bawah subseksyen 51(2) Akta”.

**Pindaan peraturan 41**

42. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 12” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 13” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan peraturan 45**

43. Peraturan 45 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 14” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 15” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”.

**Pindaan peraturan 45A**

44. Peraturan 45A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong takrif “Ketua Setiausaha”.

**Pindaan peraturan 45B**

45. Subperaturan 45B(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atas Borang 17” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan”.

**Penggantian peraturan 45C**

46. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 45C dengan peraturan yang berikut:

“Pendaftaran ejen paten. 45C. (1) Sesuatu permohonan untuk didaftarkan sebagai seorang ejen paten dalam Daftar Ejen Paten hendaklah dibuat dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.

(2) Untuk didaftarkan dalam Daftar Ejen Paten, pemohon hendaklah memuaskan hati Pendaftar bahawa—

(a) dia berdomisil dalam, atau ialah pemastautin tetap di, Malaysia;

(b) dia ialah seorang peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, atau mempunyai ijazah undang-undang dan mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman dalam bidang harta industri, atau mempunyai ijazah yang relevan atau setara dengannya dalam cabang yang bersesuaian atau kejuruteraan atau sains daripada suatu institusi pengajian tinggi yang diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan, atau mempunyai

kelayakan yang menjadikannya berhak kepada keahlian siswazah suatu institusi kejuruteraan atau sains profesional atau yang seumpamanya yang diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan;

(c) dia telah menghadiri kursus bagi ejen paten sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 45CA sebelum dia mengambil peperiksaan; dan

(d) dia telah lulus peperiksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 45D.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bekas Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau Pemeriksa yang telah dilantik di bawah Akta atau bekas pegawai undang-undang Perbadanan berhak untuk didaftarkan sebagai ejen paten jika—

(a) dia berdomisil dalam, atau ialah pemastautin tetap di, Malaysia;

(b) dia mempunyai ijazah yang relevan daripada suatu institusi pengajian tinggi yang diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan;

(c) dia telah menghadiri kursus bagi ejen paten sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 45CA; dan

(d) dia telah berkhidmat di Pejabat Pendaftaran Paten atau Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekurang-kurangnya sepuluh tahun.

(4) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, menghendaki bukti perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2) dan (3).

(5) Pendaftar boleh menolak untuk mendaftarkan mana-mana orang yang—

(a) telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan; atau

(b) belum dilepaskan daripada bankrap.

(6) Pendaftar hendaklah, apabila berpuas hati bahawa pemohon memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan (2) atau (3), mendaftarkan pemohon itu sebagai ejen paten bagi suatu tempoh yang habis pada 31 Disember tahun itu.

(7) Bagi maksud subperaturan (2), permohonan untuk didaftarkan sebagai ejen paten

di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam masa tiga tahun dari tarikh pemohon telah lulus peperiksaan di bawah perenggan (2)(c).

(8) Bagi maksud subperaturan (3), permohonan untuk didaftarkan sebagai ejen paten di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam masa tiga tahun dari tarikh pemohon telah menghadiri kursus bagi ejen paten di bawah perenggan (3)(c).

(9) Jika pemohon gagal membuat permohonan untuk didaftarkan sebagai ejen paten di bawah subperaturan (1) dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (7) atau (8), pemohon hendaklah disifatkan tidak memenuhi kehendak di bawah subperaturan (2) atau (3) dan tidak boleh didaftarkan sebagai ejen paten.

(10) Selepas pendaftaran sebagai ejen paten di bawah subperaturan (6), ejen paten itu hendaklah menghadiri semua kursus yang dikehendaki sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bagi maksud pembaharuan pendaftarannya di bawah peraturan 45E.

(11) Kecuali bagi perubahan alamat penyampaian di bawah peraturan 51, Pendaftar boleh, atas permintaan ejen paten berdaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan—



- (a) membetulkan apa-apa kesilapan pada nama atau butiran perhubungan ejen paten itu; atau
- (b) memasukkan apa-apa perubahan pada nama atau butiran perhubungan ejen paten itu.

(12) Bagi maksud subperaturan (11), Pendaftar boleh menghendaki serahan apa-apa maklumat atau dokumen, termasuk penjelasan bertulis oleh ejen paten itu.”.

#### **Peraturan baharu 45CA**

47. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 45C peraturan yang berikut:

“Kursus bagi ejen paten. 45CA. Bagi maksud perenggan 45C(2)(c) dan (3)(c) dan subperaturan 45D(8A), suatu permohonan untuk menghadiri mana-mana kursus bagi ejen paten hendaklah dibuat kepada Lembaga Peperiksaan dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.”.

#### **Pindaan peraturan 45D**

48. Peraturan 45D Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) mendraf permohonan paten;” dan

- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “cap dagangan” dengan perkataan “cap dagangan, petunjuk geografi”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “atas Borang 18A” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Bagi maksud subperaturan 45C(2), suatu permohonan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah dibuat kepada Pendaftar selepas calon itu telah menghadiri kursus bagi ejen paten di bawah peraturan 45CA.”;
- (d) dalam subperaturan (8)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “boleh memohon untuk mengambil semula subjek atau subjek-subjek, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “hendaklah mengambil semula bagi kesemua subjek yang gagal”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “atas Borang 18B” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;
- (e) dengan memasukkan selepas subperaturan (8) subperaturan yang berikut:

“(8A) Bagi maksud subperaturan (8), calon boleh memohon untuk menghadiri kursus bagi ejen paten di bawah peraturan 45CA sebelum dia mengambil semula peperiksaan.”;

(f) dalam subperaturan (9), dengan memasukkan selepas perkataan “selepas tiga percubaan” perkataan “termasuk peperiksaan pertama yang diambil”;

(g) dengan memasukkan selepas subperaturan (9) subperaturan yang berikut:

“(9A) Percubaan untuk mengambil semula peperiksaan disebabkan kegagalan calon untuk lulus mana-mana atau kesemua mata pelajaran hendaklah diselesaikan dalam masa dua tahun dari tarikh keputusan peperiksaan pertama yang diambil diberitahu kepada calon, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Lembaga Peperiksaan.”;

(h) dalam subperaturan (10), dengan menggantikan perkataan “subperaturan (9)” dengan perkataan “subperaturan (9) dan (9A)”; dan

(i) dengan memasukkan selepas subperaturan (10) subperaturan yang berikut:

“(11) Suatu permintaan bagi mendapatkan salinan soalan peperiksaan tahun-tahun sebelumnya boleh dibuat oleh calon kepada Lembaga Peperiksaan dan permintaan itu hendaklah tertakluk kepada pembayaran fee yang ditetapkan.”.

#### **Pindaan peraturan 45E**

49. Peraturan 45E Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Sesuai” dengan perkataan “Tertakluk kepada 45C(5), sesuatu”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “atas Borang 19” dengan perkataan “dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan berikut:

“(3) Walau apa pun subperaturan (2), Pendaftar boleh menolak untuk membaharui pendaftaran mana-mana orang yang—

(a) telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan; atau

(b) belum dilepaskan daripada bankrap.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Jika ejen paten gagal membuat permohonan bagi pembaharuan pendaftaran di bawah subperaturan (1), dia boleh meminta bagi pelanjutan masa untuk membuat permohonan itu kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.

(5) Permintaan bagi pelanjutan masa di bawah subperaturan (4) hendaklah—

(a) bagi tempoh yang tidak melebihi enam bulan dari 31 Januari tahun itu; dan

(b) disertakan dengan pembayaran fee yang ditetapkan di bawah subperaturan (1).”.

**Peraturan baharu 45EA dan 45EB**

50. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 45E peraturan yang berikut:

“Pembatalan pendaftaran ejen paten disebabkan kegagalan pembaharuan. 45EA. (1) Jika ejen paten gagal membuat permintaan bagi pelanjutan masa di bawah subperaturan 45E(4), Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran ejen paten dan mengeluarkan pendaftaran ejen paten daripada Daftar Ejen Paten.

(2) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam Jurnal Rasmi—

(a) pembatalan dan pengeluaran ejen paten di bawah subperaturan (1); dan

(b) apa-apa permohonan atau paten yang diwakili oleh ejen paten bagi pihak mana-mana orang, jika ada.

(3) Orang yang diwakili oleh ejen paten yang pendaftarannya telah dibatalkan dan dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran di bawah subperaturan (2), melantik ejen paten baharu mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 45B(2).

(4) Walau apa pun subperaturan (3), jika orang itu yang merupakan pemastautin berhasrat untuk menguruskan permohonan atau paten itu sendiri, dia hendaklah—

- (a) memberitahu Pendaftar berkenaan hasratnya dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (3); dan
- (b) mengemukakan kepada Pendaftar alamat penyampaianya mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 51.

(5) Pendaftar hendaklah menghentikan prosiding yang berhubungan dengan apa-apa permohonan atau paten sehingga kehendak di bawah subperaturan (3) atau (4) dipenuhi.

(6) Walau apa pun subperaturan 45C(2), jika ejen paten yang pendaftarannya telah dibatalkan dan dikeluarkan daripada Daftar Ejen Paten memfailkan permohonan untuk mendaftar sebagai ejen paten mengikut subperaturan 45C(1) dalam masa tiga tahun dari tarikh penyiaran pembatalan dan pengeluarannya sebagai ejen paten di bawah subperaturan (2), Pendaftar boleh mengetepikan kehendak untuk menghadiri kursus dan lulus peperiksaan.

(7) Walau apa pun subperaturan 45C(3), jika ejen paten yang pendaftarannya telah dibatalkan dan dikeluarkan daripada Daftar Ejen Paten memfailkan permohonan untuk mendaftar sebagai ejen paten mengikut subperaturan 45C(1) dalam masa tiga tahun dari tarikh penyiaran pembatalan dan pengeluarannya sebagai ejen paten di bawah subperaturan (2), Pendaftar boleh mengetepikan kehendak menghadiri kursus itu.

(8) Mana-mana pendaftaran ejen paten yang telah dibatalkan dan dikeluarkan daripada Daftar Ejen Paten bagi tempoh lebih daripada tiga tahun dari tarikh penyiaran pembatalan dan pengeluarannya sebagai ejen paten di bawah subperaturan (2) hendaklah disifatkan sebagai tidak lagi memenuhi kehendak di bawah subperaturan 45C(2) dan (3).

Penangguhan pembaharuan pendaftaran ejen paten.

45EB. (1) Walau apa pun peraturan 45E, seorang ejen paten boleh memohon kepada Pendaftar bagi penangguhan suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai ejen paten jika ejen paten itu memenuhi hal keadaan yang berikut:

- (a) dia mempunyai sebab atau alasan yang sah sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar untuk menangguhkan pembaharuan pendaftaran sebagai ejen paten; dan
- (b) dia telah berhenti bertindak bagi pihak pemohon, pemunya paten atau mana-mana orang yang diwakilinya.

(2) Permohonan bagi penangguhan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Pendaftar—

- (a) pada atau sebelum 31 Januari tahun itu;
- (b) dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan; dan

(c) disertakan dengan keterangan sokongan mengenai sebab atau alasan yang sah itu.

(3) Permohonan bagi penangguhan pembaharuan pendaftaran ejen paten di bawah subperaturan (1) hendaklah dibenarkan bagi tempoh maksimum satu tahun dan boleh dimohon semula oleh ejen paten mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2).

(4) Walau apa pun subperaturan (3), pendaftaran ejen paten hendaklah disifatkan sebagai tidak lagi memenuhi kehendak di bawah subperaturan 45C(2) atau (3) jika ejen paten itu gagal untuk memperbaharui pendaftaran sebagai ejen paten selepas habis tempoh tiga tahun dari 31 Januari sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2(a)."

#### **Pindaan peraturan 45F**

51. Peraturan 45F Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran ejen paten dan mengeluarkan pendaftaran ejen paten daripada Daftar Ejen Paten jika ejen paten—

(a) tidak lagi memenuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 45C(2) atau (3);

(b) telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan penipuan atau ketidakjujuran; atau



(c) belum dilepaskan daripada bankrap.

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Subperaturan 45EA(2) hingga (5) hendaklah terpakai bagi peraturan ini.”.

**Peraturan baharu 45FA, 45FB, 45FC dan 45FD**

52. Peraturan-peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 45F peraturan yang berikut:

“Pembatalan sukarela. 45FA. (1) Ejen paten boleh membatalkan pendaftarannya dengan memfailkan permohonan bagi pembatalan sukarela kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan dan disertakan dengan bukti bahawa ejen paten itu telah berhenti bertindak bagi pihak pemohon paten, pemunya paten atau mana-mana orang yang diwakilinya.

(2) Setelah menerima permohonan bagi pembatalan sukarela yang difailkan di bawah subperaturan (1), Pendaftar hendaklah—

(a) membatalkan dan mengeluarkan pendaftaran ejen paten daripada Daftar Ejen Paten; dan

(b) menyiarkan pembatalan dan pengeluaran pendaftaran ejen paten daripada Daftar Ejen Paten dalam Jurnal Rasmi.

(3) Permohonan bagi pembatalan sukarela yang difailkan di bawah subperaturan (1) tidak boleh ditarik balik.

Berhenti bertindak sebagai seorang ejen paten.

45FB. (1) Jika ejen paten berhasrat untuk berhenti bertindak bagi pihak pemohon paten, pemunya paten atau mana-mana orang yang diwakilinya, dia hendaklah memfailkan dengan Pendaftar permohonan untuk berhenti bertindak dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan dan disertakan dengan bukti bahawa dia telah memberitahu orang itu tentang hasratnya.

(2) Setelah permohonan untuk berhenti bertindak sebagai ejen paten di bawah subperaturan (1) diterima—

(a) permohonan atau paten yang diwakili oleh ejen paten bagi orang atau orang-orang tertentu itu pada tarikh penerimaan permohonan di bawah subperaturan (1) itu hendaklah disiarkan dalam Jurnal Rasmi; dan

(b) semua prosiding yang berhubungan dengan permohonan atau paten hendaklah dihentikan sehingga kehendak di bawah subperaturan (3) dipenuhi.

(3) Tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh penyiaran di bawah subperaturan (2), orang yang sebelum ini diwakili oleh ejen paten itu hendaklah memfailkan suatu permohonan bagi pelantikan ejen paten baharu mengikut subperaturan 45B(2).

(4) Walau apa pun subperaturan (3), jika orang itu yang merupakan seorang pemastautin yang berhasrat untuk menguruskan permohonan atau paten itu sendiri, dia hendaklah—

(a) memberitahu Pendaftar berkenaan hasratnya dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (3); dan

(b) mengemukakan kepada Pendaftar alamat penyampaiannya mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 51.

(5) Permohonan untuk berhenti bertindak sebagai ejen paten yang difailkan di bawah subperaturan (1) tidak boleh ditarik balik.

Penamatan pelantikan ejen paten.

45FC. (1) Tertakluk kepada subseksyen 86(5) Akta, mana-mana orang boleh menamatkan pelantikan seorang ejen paten dengan memfailkan permohonan kepada Pendaftar dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar bersama dengan pembayaran fee yang ditetapkan.

(2) Permohonan untuk menamatkan pelantikan ejen paten yang difailkan di bawah subperaturan (1) tidak boleh ditarik balik.

Kematian ejen paten.

45FD. (1) Sekiranya berlaku kematian seorang ejen paten, mana-mana orang yang diwakili oleh ejen paten atau wakil sah ejen paten hendaklah memberitahu kematian itu kepada Pendaftar secara bertulis dalam masa satu bulan dari tarikh kematian ejen paten itu.

(2) Jika pemberitahuan di bawah subperaturan (1) difailkan oleh wakil sah ejen paten yang telah mati, pemberitahuan itu hendaklah disertakan dengan bukti bahawa kematian telah diberitahu kepada pemohon paten atau pemunya paten atau mana-mana orang diwakili ejen paten itu.

(3) Sebagai tambahan kepada subperaturan (1), orang atau orang-orang yang diwakili oleh ejen paten yang telah mati hendaklah memfailkan suatu permohonan bagi pelantikan seorang ejen paten baharu mengikut subperaturan 45B(2)—

(a) pada masa yang sama pemberitahuan di bawah subperaturan (1) difailkan; atau

(b) dalam masa tiga bulan dari tarikh pemberitahuan kematian ejen paten oleh wakil sah di bawah subperaturan (2).

(4) Pendaftar hendaklah menghentikan prosiding yang berhubungan dengan permohonan atau paten sehingga kehendak di bawah subperaturan (3) dipenuhi.”.

### **Pindaan peraturan 45G**

53. Peraturan 45G Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

